

## Dr Aini dilantik Naib Canselor UPM

Prof Datin Dr Aini Ideris dilantik sebagai Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM) yang baharu untuk tempoh dua tahun berkuat kuasa 1 Januari lalu.

Menurut Kementerian Pendidikan Tinggi, bekas

pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi UPM itu menggantikan Prof Datuk Dr Mohd Fauzi Ramlan yang tamat tempoh perkhidmatannya pada 31 Disember lalu.

“Pihak kementerian ingin mengucapkan setinggi-tinggi

penghargaan dan terima kasih kepada Mohd Fauzi atas sumbangannya sepanjang menjawat jawatan naib canselor sejak 1 Jan 2013,” kata kementerian dalam satu kenyataan.

-BERNAMA